

MEMO PENDAFTAR BIL.12/2018

**KEPADA : SEMUA PELAJAR
UNIVERSITI SELANGOR**

**DARIPADA : SHAMSUL AZHAR BIN MOHD YUSOF
PENDAFTAR**

TARIKH : 02 MEI 2018

NO.RUJUKAN : (01) dlm.UNISEL/PP/01.10/Jld.II

PERKARA : PERINGATAN MESRA BERKAITAN CETAKAN SLIP PEPERIKSAAN

Assalamua'laikum wrt. Wbt & Salam Sejahtera.

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.


2. Peperiksaan akhir Universiti akan berlangsung pada 30 Mei hingga 12 Jun 2018. Setiap pelajar adalah diingatkan untuk mengambil maklum peraturan peperiksaan seperti yang termaktub di dalam Buku Panduan Peperiksaan di portal pelajar, khususnya bagi perkara berkaitan **kewajipan mempamerkan Slip Peperiksaan**.

3. Sehubungan itu, semua pelajar diminta untuk **mencetak Slip Peperiksaan** pada tempoh yang ditetapkan iaitu pada **7 Mei - 25 Mei 2018** bagi mengelakkan kesulitan menjelang peperiksaan akhir.

4. Dimaklumkan, sistem cetakan Slip Peperiksaan oleh pelajar akan **DITUTUP** bermula **26 Mei 2018**. Cetakan Slip Peperiksaan selepas tarikh tersebut hanya dibenarkan di Unit Peperiksaan dan Penilaian Kursus dengan wang proses sebanyak RM5.00 (Ringgit Malaysia: Lima Sahaja) seperti yang dimaklumkan melalui **Pekeliling Pendaftar Bil.13/2015** mengenai Penggunaan Slip Peperiksaan Akhir. Para pelajar juga dinasihatkan untuk hadir ke dewan peperiksaan dan bersedia lebih awal.

Sekian, semoga semua pelajar dapat membuat persediaan awal menjelang peperiksaan dan berjaya dengan cemerlang. Terima kasih. Wassalam.

Ikhlas,


HJ SHAMSUL AZHAR BIN MOHD YUSOF
Pendaftar
Universiti Selangor (UNISEL)